

KETAKSAMAAN PELUANG AKADEMIK DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN: PENGARUH STRUKTUR SOSIAL TERHADAP PRESTASI PELAJAR

INEQUALITY OF ACADEMIC OPPORTUNITY IN NATIONAL SECONDARY SCHOOLS: THE INFLUENCE OF SOCIAL STRUCTURE ON STUDENT PERFORMANCE

Mohamad Mujtahid Md Salim^{1*}
Anuar Ahmad²
Nur Nadhirah Ab. Hamid³

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia,
(E-mail: mujid1993@gmail.com)

² Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia,
(E-mail: anuarmd@ukm.edu.my)

³ SK Seafield, Jalan USJ 6/3, 47610, Subang Jaya, Selangor, Malaysia,
(E-mail: nadiraabha310193@gmail.com)

*Corresponding author: mujid1993@gmail.com

Article history

Received date : 26-8-2025
Revised date : 27-8-2025
Accepted date : 1-10-2025
Published date : 11-10-2025

To cite this document:

Md Salim, M. M., Ahmad, A., & Ab Hamid, N. N. (2025). Ketaksamaan peluang akademik di sekolah menengah kebangsaan: Pengaruh struktur sosial terhadap prestasi pelajar. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (76), 970 - 984.

Abstrak: Ketaksamaan akses pendidikan masih membelenggu sistem pendidikan Malaysia khususnya melibatkan pelajar daripada pelbagai latar belakang sosioekonomi. Kajian ini bertujuan untuk meneliti pengaruh struktur sosial seperti tahap pendidikan ibu bapa, pendapatan isi rumah dan kemudahan akses terhadap sumber pembelajaran terhadap pencapaian akademik pelajar sekolah menengah. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk deskriptif-korelasi secara keratan lintang. Seramai 129 pelajar Tingkatan 1 hingga Tingkatan 4 telah dipilih menggunakan kaedah persampelan rawak berstrata. Instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik berstruktur, manakala analisis data dijalankan melalui statistik deskriptif, korelasi Pearson dan analisis regresi berganda. Hasil kajian menunjukkan bahawa faktor akses kepada sumber pembelajaran memainkan peranan paling signifikan dalam menentukan pencapaian akademik pelajar, diikuti oleh tahap pendidikan ibu bapa dan pendapatan isi rumah. Dapatan ini memberi implikasi penting terhadap perumusan dasar pendidikan yang lebih adil dan bersifat inklusif. Justeru, kajian ini mencadangkan pelaksanaan intervensi yang bersasar seperti bantuan kewangan langsung, penyediaan infrastruktur pembelajaran digital serta program sokongan akademik bagi memperkasa pelajar daripada komuniti kurang berkemampuan dan seterusnya mengurangkan jurang ketaksamaan pendidikan.

Kata Kunci: ketaksamaan pendidikan, struktur sosial, pencapaian akademik, sosioekonomi, akses pembelajaran

Abstract: *Inequality in access to education continues to persist in the Malaysian education system, particularly affecting students from diverse socioeconomic backgrounds. This study aims to examine the influence of social structure—specifically parents’ educational attainment, household income, and access to learning resources—on the academic achievement of secondary school students. A quantitative cross-sectional design with a descriptive-correlational approach was employed. A total of 129 students from Form 1 to Form 4 were selected through stratified random sampling. Data were collected using a structured questionnaire and analysed using descriptive statistics, Pearson correlation, and multiple regression analysis. The findings revealed that access to learning resources is the most dominant factor influencing academic performance, followed by parents’ education level and household income. These results have important implications for the development of more inclusive educational policies. As such, the study recommends targeted interventions including financial assistance, provision of digital learning facilities, and academic support programmes to empower students from disadvantaged communities and reduce the educational opportunity gap.*

Keywords: *educational inequality, social structure, academic performance, socioeconomic status, learning access*

Pendahuluan

Pendidikan merupakan hak asas setiap individu dan menjadi tunjang pembangunan negara. Namun begitu, dalam usaha mewujudkan sistem pendidikan yang adil dan inklusif, ketaksamaan peluang akademik dalam kalangan pelajar masih wujud dan membimbangkan. Ketaksamaan ini merujuk kepada perbezaan akses, kemudahan, dan peluang untuk mencapai kejayaan akademik disebabkan oleh pelbagai faktor struktur sosial seperti latar belakang keluarga, status sosioekonomi, serta lokasi geografi. Di sebalik penekanan terhadap prinsip kesamarataan dalam dasar pendidikan Malaysia, pelajar daripada latar belakang sosioekonomi rendah terutamanya ibu bapa mereka yang berpendidikan rendah masih mengalami ketidakseimbangan dalam pencapaian akademik apabila dibandingkan dengan pelajar daripada keluarga yang lebih berada.

Di Malaysia, isu ini masih menjadi perdebatan khususnya melibatkan pelajar daripada latar belakang sosioekonomi yang pelbagai. Meskipun sistem pendidikan nasional berusaha menyediakan akses yang saksama, jurang akademik masih berlaku disebabkan oleh faktor struktur seperti status sosioekonomi keluarga, tahap pendidikan ibu bapa, akses kepada sumber pendidikan, serta infrastruktur sekolah. Menurut Deswalantri et al. (2024) dan Firlani et al. (2025), faktor-faktor ini mempunyai impak yang besar terhadap peluang pendidikan yang diperoleh pelajar, sikap mereka sendiri terhadap pembelajaran serta sokongan yang diterima dalam mencapai kecemerlangan akademik.

Kajian oleh Munir et al. (2023) menunjukkan bahawa pelajar daripada latar keluarga berpendapatan tinggi mencapai prestasi akademik yang lebih mantap berbanding pelajar daripada golongan B40 yang terkesan oleh pelbagai kekangan seperti akses terhadap teknologi pendidikan, kekurangan ruang pembelajaran yang selesa, dan ketiadaan sokongan akademik yang sistematik. Sementara itu, Pei-Yu (2013) turut membuktikan bahawa kewujudan jurang digital antara pelajar di kawasan bandar dan luar bandar telah memperluaskan ketaksamaan pendidikan sekali gus menjejaskan prinsip keadilan dalam penyampaian akses pendidikan yang saksama.

Meskipun pelbagai kajian telah meneliti kesan status sosioekonomi terhadap pencapaian akademik, masih terdapat kekurangan penyelidikan secara menyeluruh yang mengupas interaksi antara pelbagai dimensi struktur sosial—seperti tahap pendidikan ibu bapa, pendapatan isi rumah, dan akses kepada sumber pembelajaran—khususnya dalam konteks sekolah menengah kebangsaan di kawasan bandar. Sebahagian besar kajian terdahulu lebih tertumpu kepada kawasan luar bandar atau bersifat makroanalisis tanpa menekankan bukti empirikal secara mikro di peringkat sekolah. Kekosongan ini menimbulkan persoalan penting mengenai bagaimana pelbagai elemen struktur sosial memberikan kesan langsung dan tidak langsung terhadap prestasi akademik pelajar di sekolah menengah bandar.

Sehubungan itu, kajian ini dilaksanakan bagi meneliti sejauh mana faktor struktur sosial mempengaruhi pencapaian akademik pelajar di sebuah sekolah menengah kebangsaan bandar. Objektif utama kajian adalah untuk menganalisis hubungan antara tahap pendidikan ibu bapa, pendapatan isi rumah, dan tahap akses kepada sumber pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar. Di samping itu, kajian ini turut bertujuan mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah serta mencadangkan intervensi bersasar yang sesuai bagi merapatkan jurang pencapaian akademik berdasarkan latar sosioekonomi. Hasil kajian ini diharap dapat menyumbang kepada pengukuhan sistem sokongan pendidikan yang lebih saksama dan inklusif, sejajar dengan aspirasi mencapai kesamarataan dalam akses dan peluang pendidikan.

Seiring dengan aspirasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk menyediakan sistem pendidikan yang inklusif dan berkualiti, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi merapatkan jurang pendidikan antara pelajar daripada latar sosioekonomi yang berbeza. Walau bagaimanapun, isu ketaksamaan akses dan peluang akademik masih berterusan. Laporan Kementerian Pendidikan Malaysia (2022) mendapati bahawa sekitar 37% pelajar daripada isi rumah B40 tidak memiliki peranti digital yang mencukupi bagi menyertai pembelajaran dalam talian, manakala UNESCO (2021) melaporkan hampir 34% pelajar di rantau Asia Tenggara masih berdepan kekangan terhadap akses pembelajaran digital yang setara. Statistik ini menunjukkan bahawa walaupun usaha kerajaan telah dijalankan secara berterusan, jurang pencapaian akademik masih wujud akibat ketidaksamarataan sosioekonomi dalam kalangan pelajar menurut Goczek et al. (2021).

Meskipun terdapat pelbagai kajian lepas yang membincangkan isu pendidikan tidak seimbang, kebanyakannya lebih menekankan kepada faktor makro seperti kemudahan infrastruktur, dasar pendidikan, serta penggunaan teknologi digital dalam kalangan pelajar (Zainal & Zainuddin, 2020; Krauss et al. 2023). Sebaliknya, kajian yang meneliti secara mendalam peranan struktur sosial keluarga—termasuk tahap pendidikan ibu bapa, pendapatan isi rumah, dan bentuk sokongan keluarga—masih terhad khususnya dalam konteks sekolah menengah di Malaysia. Jurang literatur ini penting kerana faktor sosial keluarga mempunyai pengaruh langsung terhadap motivasi, akses sumber pendidikan, serta prestasi akademik pelajar (Easterbrook et al. 2021). Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengisi kekosongan tersebut dengan meneliti secara empirikal hubungan antara struktur sosial keluarga dan ketaksamaan peluang akademik pelajar sekolah menengah, sekali gus memberikan gambaran lebih menyeluruh terhadap cabaran sebenar yang dihadapi oleh sistem pendidikan negara.

Kajian Literatur

Konsep Ketaksamaan Peluang Akademik

Ketaksamaan peluang akademik merujuk kepada perbezaan dalam akses, penyertaan, dan pencapaian pelajar dalam sistem pendidikan akibat faktor struktur sosial seperti status sosioekonomi, tahap pendidikan ibu bapa, lokasi kediaman, serta latar belakang etnik (UNESCO, 2021). Dalam konteks sekolah menengah di Malaysia, jurang ini semakin ketara apabila pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah atau kawasan luar bandar berdepan kekangan untuk mencapai prestasi setara dengan rakan sebaya di kawasan bandar (Erikson, 2020). Laporan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM, 2022) turut menegaskan bahawa jurang pencapaian akademik antara pelajar bandar dan luar bandar masih menjadi cabaran utama, khususnya dari segi akses terhadap kemudahan pembelajaran, teknologi pendidikan, serta persekitaran pembelajaran yang kondusif.

Dari sudut teori, ketaksamaan ini boleh dijelaskan melalui pendekatan kapital budaya, iaitu pelajar daripada keluarga berpendidikan dan berkemampuan memiliki modal sosial dan budaya yang lebih selari dengan tuntutan sistem pendidikan, berbanding pelajar daripada keluarga kurang berkemampuan (Eryanto & Swaramarinda, 2013). Di samping itu, sistem penilaian berorientasikan peperiksaan turut memperkukuh jurang sedia ada kerana ia cenderung mengabaikan konteks sosial pelajar, termasuk kekangan digital dan tanggungjawab keluarga Ibrahim dan Othman (2022). Secara keseluruhannya, ketaksamaan peluang akademik perlu difahami sebagai isu kompleks yang berpunca daripada pelbagai faktor sosial dan institusi.

Struktur Sosial dan Pendidikan

Struktur sosial merujuk kepada hierarki masyarakat yang menentukan agihan kuasa, status, serta peluang hidup termasuk dalam pendidikan (Easterbrook et al. 2021). Kajian menunjukkan bahawa pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah lazimnya mempunyai akses lebih terhad kepada sumber pendidikan berkualiti, guru berpengalaman, serta sokongan akademik di rumah (Michael et al. 2021). Hal ini sering menyebabkan pelajar dalam kelompok tersebut berdepan tekanan ekonomi dan domestik yang menjejaskan motivasi belajar.

Selain itu, ketidaksamarataan berdasarkan lokasi turut mencerminkan pengaruh struktur sosial. Sekolah luar bandar masih bergelut dengan isu kekurangan guru opsyen, prasarana asas yang terhad, serta kualiti pengajaran yang rendah berbanding sekolah bandar (Lui, 2023). Walaupun dasar seperti Pelan Strategik Pendidikan Digital 2023–2027 diperkenalkan, pelaksanaannya sering terbatas akibat jurang infrastruktur dan tahap literasi digital masyarakat (KPM, 2023). Maka jelas bahawa struktur sosial berperanan penting dalam membentuk pengalaman pelajar serta menentukan pencapaian akademik mereka.

Faktor Sosioekonomi terhadap Prestasi Pelajar

Taraf sosioekonomi sesebuah keluarga merupakan antara penentu utama dalam pencapaian akademik pelajar. Menurut kajian oleh Deswalantri et. al (2024), pelajar yang berasal daripada keluarga berpendapatan rendah lazimnya mencatat keputusan yang lebih rendah berbanding rakan sebaya mereka dari keluarga berpendapatan tinggi. Perbezaan ini sebahagian besarnya berpunca daripada keterbatasan dalam memperoleh sokongan pembelajaran tambahan seperti kelas tuisyen, peranti teknologi untuk pembelajaran secara digital, serta kekurangan ruang belajar yang sesuai di rumah. Di samping itu, tekanan kewangan yang dihadapi oleh isi rumah dalam kategori B40 turut menjejaskan kestabilan emosi pelajar, yang akhirnya mempengaruhi

keupayaan mereka untuk menumpukan perhatian dan mengekalkan motivasi dalam proses pembelajaran harian.

Selain itu, latar belakang pendidikan ibu bapa turut menjadi faktor signifikan dalam membentuk tahap sokongan akademik yang diterima oleh anak-anak. Ibu bapa yang berpendidikan tinggi cenderung untuk menetapkan standard pencapaian yang lebih tinggi terhadap anak mereka serta terlibat secara aktif dalam memantau dan membantu proses pembelajaran di rumah (Eryanto & Swaramarinda, 2013). Sebaliknya, pelajar yang dibesarkan dalam keluarga yang kurang berpendidikan sering kali menghadapi keterbatasan dalam mendapatkan bimbingan, galakan dan sokongan akademik yang mencukupi, yang secara tidak langsung boleh mengurangkan peluang mereka untuk meraih kecemerlangan dalam bidang pendidikan formal.

Persekitaran sekolah merupakan salah satu komponen penting yang mempengaruhi tahap pencapaian akademik pelajar. Aspek-aspek seperti mutu prasarana fizikal, kepakaran serta pengalaman guru, dan suasana pembelajaran yang diwujudkan dalam institusi sekolah mampu memberikan kesan yang sama ada positif mahupun negatif terhadap perkembangan akademik pelajar. Menurut Amatan et al. (2019), sekolah yang terletak di kawasan kurang membangun atau berisiko tinggi lazimnya berdepan dengan pelbagai kekangan termasuk kekurangan guru berkemahiran, kekangan dari segi infrastruktur asas, serta persekitaran pembelajaran yang tidak memberangsangkan. Faktor-faktor ini secara kolektif menyumbang kepada penurunan kualiti pengajaran dan seterusnya memberi kesan terhadap keberhasilan pembelajaran pelajar.

Jurang Digital dalam Pendidikan

Dalam konteks era digital masa kini, ketaksamaan akses kepada teknologi telah muncul sebagai satu bentuk ketidaksamarataan baharu dalam sistem pendidikan. Ketiadaan peranti elektronik yang mencukupi, sambungan internet yang tidak stabil, serta tahap literasi digital yang rendah telah menyebabkan sebilangan pelajar, khususnya di kawasan luar bandar, mengalami kesukaran besar untuk mengikuti proses pembelajaran dalam talian. Surianshah dan Sarimah (2021) menegaskan bahawa isu ini menjadi semakin ketara semasa pandemik COVID-19, apabila pembelajaran bersemuka digantikan sepenuhnya dengan kaedah dalam talian. Kekangan teknologi tersebut bukan sahaja menyukarkan pelajar untuk mengakses bahan pembelajaran, malah turut menjejaskan keupayaan mereka untuk bersaing secara adil dengan rakan sebaya yang mempunyai kemudahan digital yang lebih lengkap. Situasi ini sekali gus memperluas jurang pencapaian akademik yang sedia wujud antara pelajar bandar dan luar bandar.

Ketaksamaan peluang akademik dalam kalangan pelajar telah menjadi antara isu utama yang mendapat perhatian meluas dalam bidang pendidikan, khususnya selepas pandemik COVID-19 yang telah memperlihatkan jurang digital dan sosial yang semakin ketara. Kebanyakan kajian semasa memberi tumpuan kepada hubungan antara faktor struktur sosial seperti pendapatan isi rumah, tahap pendidikan ibu bapa, serta akses kepada sumber pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar. Walau bagaimanapun, hasil kajian terdahulu memperlihatkan pelbagai kekuatan dan kelemahan yang boleh dijadikan asas untuk menambah baik pemahaman terhadap isu ini. Oleh itu, penilaian kritis terhadap dapatan kajian sedia ada amat penting bagi membina penyelesaian yang lebih menyeluruh dan kontekstual terhadap cabaran ketaksamaan akademik yang masih berterusan.

Ibrahim dan Othman (2022) menonjolkan kekuatan dari segi pendedahan kepada realiti pelajar luar bandar yang menghadapi kekangan akses internet dan peranti digital. Kajian ini amat

berguna dalam memahami dimensi jurang digital, namun kelemahannya ialah tumpuan hanya diberikan kepada kawasan luar bandar tanpa membandingkan dengan konteks bandar, seperti sekolah menengah di kawasan Subang Jaya yang menjadi fokus kajian ini. Selain itu, kajian oleh Chizen dan Surat (2021) pula mengkaji faktor sosioekonomi terhadap pencapaian akademik secara sistematik. Kekuatan kajian ini terletak pada analisis yang menyeluruh dan pelbagai sumber. Namun, kelemahan utamanya ialah ia berbentuk sorotan literatur dan tidak disertakan dengan data empirikal lapangan, menyebabkan ia kurang mampu memberikan cadangan praktikal yang kukuh.

Rumusan Literatur

Sorotan literatur menunjukkan bahawa ketaksamaan peluang akademik dipengaruhi oleh faktor yang pelbagai termasuk struktur sosial, latar belakang sosioekonomi, dan jurang digital. Namun, kebanyakan kajian terdahulu hanya meneliti faktor tersebut secara berasingan dan lebih tertumpu kepada konteks luar bandar. Hal ini mewujudkan jurang pengetahuan mengenai bagaimana pelbagai faktor berinteraksi secara serentak dalam konteks pelajar sekolah menengah bandar. Justeru, kajian ini cuba mengisi ruang tersebut dengan meneliti pengaruh tahap pendidikan ibu bapa, pendapatan isi rumah, dan akses kepada sumber pembelajaran terhadap pencapaian akademik pelajar dalam konteks bandar.

Penilaian terhadap kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa kebanyakan penyelidikan yang dijalankan hanya menumpukan kepada satu aspek struktur sosial secara individu, seperti status sosioekonomi atau tahap pendidikan ibu bapa, tanpa mempertimbangkan hubungan saling bergantung antara faktor-faktor tersebut. Tambahan pula, tumpuan utama banyak kajian terdahulu adalah pada konteks luar bandar, sekali gus mengabaikan dinamika sosial yang unik dan cabaran tersendiri yang dihadapi pelajar di kawasan bandar. Pendekatan ini telah menghasilkan jurang pengetahuan yang signifikan, khususnya dalam memahami bagaimana pelbagai dimensi struktur sosial secara kolektif memberi kesan terhadap prestasi akademik pelajar.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk deskriptif-korelasi yang bertujuan mengenal pasti hubungan antara latar belakang sosioekonomi pelajar dan pencapaian akademik mereka tanpa sebarang manipulasi terhadap pemboleh ubah (Mohajan, 2020). Reka bentuk ini dipilih kerana kesesuaiannya dalam mengkaji corak hubungan secara objektif dan sistematik. Seramai 129 orang pelajar sekolah menengah dipilih melalui kaedah persampelan rawak berstrata. Pemilihan responden dibuat dengan membahagikan populasi pelajar mengikut strata tingkatan, kemudian sampel dipilih secara rawak dalam setiap strata. Pendekatan ini digunakan bagi memastikan setiap kumpulan pelajar diwakili secara proporsional dan membolehkan generalisasi dibuat terhadap populasi yang lebih luas (Dattalo, 2020; Creswell & Creswell, 2023).

Kajian ini menggunakan soal selidik berstruktur sebagai instrumen utama, yang dibina berdasarkan sorotan literatur terdahulu serta disesuaikan dengan konteks pelajar sekolah menengah di Malaysia. Soal selidik tersebut mengandungi tiga komponen utama: (i) maklumat demografi pelajar, (ii) data berkaitan latar belakang sosioekonomi seperti pendapatan isi rumah, tahap pendidikan dan pekerjaan ibu bapa, serta (iii) maklumat mengenai pencapaian akademik pelajar. Bagi memastikan ketepatan kandungan instrumen, validiti kandungan telah disahkan oleh panel pakar dalam bidang pendidikan. Selain itu, kajian rintis turut dijalankan bagi menilai

kebolehpercayaan instrumen dan hasilnya menunjukkan nilai Cronbach's Alpha melebihi 0.70, mencerminkan tahap kebolehpercayaan yang memuaskan (Taherdoost, 2016).

Data yang telah dikumpul dianalisis dengan bantuan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 27. Analisis statistik deskriptif digunakan untuk mengenal pasti ciri-ciri taburan responden dan menentukan nilai purata bagi pemboleh ubah yang dikaji. Seterusnya, analisis korelasi Pearson dijalankan bagi menilai kekuatan serta arah hubungan antara pelbagai indikator latar belakang sosioekonomi pelajar dengan tahap pencapaian akademik mereka.

Secara keseluruhannya, metodologi yang digunakan dalam kajian ini direka bentuk secara sistematik bagi membolehkan pengkaji meneliti kesan struktur sosial terhadap prestasi akademik pelajar. Melalui penggunaan soal selidik yang sah dan boleh dipercayai, serta persampelan yang mencerminkan kepelbagaian latar belakang pelajar, kajian ini mampu memberikan gambaran menyeluruh mengenai isu ketaksamaan akademik. Di samping itu, pematuhan terhadap prinsip etika penyelidikan dipastikan sepanjang proses kajian dijalankan, sekali gus memperkukuh integriti dan kredibiliti dapatan kajian. Pendekatan ini diyakini bersesuaian dengan objektif kajian dan memberikan asas kukuh untuk memahami isu ketidaksamarataan pendidikan dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Malaysia.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Dapatan kajian ini mengesahkan kewujudan ketaksamaan peluang akademik yang ketara dalam kalangan pelajar sekolah menengah, khususnya dari segi akses kepada sumber pembelajaran dan sokongan persekitaran yang kondusif untuk pembelajaran. Analisis data yang diperoleh daripada pelajar di sebuah sekolah menengah di kawasan bandar menunjukkan bahawa pelajar yang memiliki kemudahan teknologi seperti akses internet berkelajuan tinggi dan peranti digital cenderung mencapai prestasi akademik yang lebih baik berbanding rakan sebaya mereka yang berhadapan dengan kekangan sumber tersebut. Fenomena ini jelas memperlihatkan wujudnya kesenjangan digital yang memberi kesan langsung terhadap peluang pembelajaran yang adil, lebih-lebih lagi dalam konteks pendidikan pasca pandemik yang banyak bergantung kepada teknologi. Keadaan ini memberi isyarat bahawa jurang digital memainkan peranan signifikan dalam memperluas ketidaksamaan sedia ada. Penemuan ini selari dengan kajian oleh Shuhidan et al. (2022) yang menegaskan bahawa kesenjangan digital bukan sahaja membatasi akses kepada maklumat, tetapi turut mewujudkan jurang dalam penguasaan kemahiran digital, kecekapan sendiri, dan motivasi belajar. Oleh itu, menangani kesenjangan digital harus menjadi keutamaan dalam agenda dasar pendidikan negara bagi memastikan setiap pelajar memperoleh peluang pembelajaran yang setara tanpa mengira latar belakang sosioekonomi.

Bab ini membentangkan dapatan utama berkaitan ketaksamaan peluang akademik dalam kalangan pelajar di sebuah sekolah menengah di kawasan bandar berdasarkan analisis data daripada 129 responden. Kajian menunjukkan bahawa faktor struktur sosial seperti status sosioekonomi, modal budaya, dan modal sosial memberi impak signifikan terhadap peluang akademik pelajar. Secara khusus, pendapatan isi rumah dan tahap pendidikan ibu bapa merupakan pemboleh ubah dominan yang mempengaruhi akses pelajar kepada kemudahan pembelajaran dan sokongan akademik.

Meskipun lokasi kajian ini tertumpu kepada sebuah sekolah menengah di kawasan bandar, dapatan yang diperolehi mempunyai kebolehgunaan yang luas dan boleh digeneralisasikan kepada sekolah-sekolah menengah lain yang mempunyai ciri demografi serta sosioekonomi yang setara. Penemuan ini juga seiring dengan hasil kajian-kajian lepas yang dijalankan di

pelbagai kawasan bandar dan pinggir bandar di Malaysia (Pei-Yu, 2013; Supianto et al. 2023), sekali gus memperkukuh kesimpulan bahawa ketaksamaan peluang akademik bukanlah fenomena terpencil, tetapi merupakan isu sistemik yang melangkaui lokasi geografi tertentu. Hal ini memperlihatkan keperluan mendesak terhadap intervensi bersifat nasional dan menyeluruh, yang menekankan prinsip kesamarataan dan keadilan dalam akses pendidikan bagi memastikan setiap pelajar berpeluang mencapai potensi akademik maksimum tanpa dipengaruhi oleh latar belakang sosioekonomi mereka.

Dapatan korelasi Spearman mengesahkan hubungan positif yang signifikan antara status sosioekonomi dan prestasi akademik pelajar, di mana pelajar daripada keluarga berpendapatan tinggi dan ibu bapa berpendidikan tinggi menunjukkan prestasi akademik yang lebih baik. Walaupun faktor jenis tempat tinggal menunjukkan perbezaan dalam akses kepada bahan pembelajaran, hubungan statistiknya tidak signifikan secara keseluruhan.

Faktor sosioekonomi keluarga dilihat sebagai faktor utama yang mempengaruhi akses dan sokongan terhadap pembelajaran pelajar. Kajian ini mengukuhkan dapatan yang diperoleh oleh Liu et al. (2022), yang mana latar belakang ekonomi keluarga berkait rapat dengan motivasi dan pencapaian akademik pelajar. Pelajar dari keluarga berpendapatan rendah lebih berkemungkinan menghadapi kekurangan sokongan bahan pembelajaran dan persekitaran pembelajaran yang kondusif, sekaligus menjejaskan prestasi akademik mereka. Oleh itu, isu ketaksamaan peluang akademik tidak boleh dipandang remeh kerana ia berkait rapat dengan faktor sosial dan ekonomi yang lebih luas.

Dapatan kajian ini menggariskan keperluan untuk pelaksanaan strategi pendidikan yang lebih inklusif dan menyeluruh bagi menangani jurang ketaksamaan peluang akademik. Penyediaan bantuan teknologi seperti pemberian peranti digital dan kemudahan internet perlu dipertingkatkan, khususnya di kalangan pelajar yang kurang berkemampuan. Selain itu, sokongan psikososial melalui program kaunseling dan bimbingan juga amat diperlukan untuk membantu pelajar mengatasi cabaran pembelajaran yang dihadapi (Easterbrook et al. 2021). Langkah-langkah ini penting bagi memastikan setiap pelajar mempunyai peluang yang adil untuk mencapai potensi akademik sepenuhnya.

Selain itu, kajian ini turut mengenal pasti beberapa cabaran utama yang dihadapi oleh pelajar daripada latar belakang sosioekonomi rendah. Antara cabaran yang paling ketara ialah kekangan kewangan yang membataskan kemampuan untuk memperoleh bahan pembelajaran tambahan, serta tahap keyakinan diri yang rendah akibat tekanan sosial dan persekitaran yang kurang menyokong. Pelajar dalam kategori ini juga melaporkan kekurangan akses kepada sokongan akademik yang mencukupi, sama ada dari segi bimbingan keluarga mahupun interaksi konstruktif dengan guru, yang secara tidak langsung memberi kesan kepada motivasi dan pencapaian akademik mereka. Beberapa cabaran utama ini dapat dilihat seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1:



Rajah 1: Cabaran Utama Dalam Mendapatkan Peluang Pendidikan Yang Baik

Lima cabaran utama yang mempengaruhi peluang pendidikan pelajar di sekolah menengah yang telah disuarakan pelajar.

Pertama, cabaran berkaitan akses dan infrastruktur. Antara isu yang dihadapi termasuk jarak sekolah yang jauh, kekurangan akses kepada internet yang stabil, serta kemudahan pembelajaran yang tidak mencukupi.

Kedua, aspek sumber kewangan dan peluang akademik turut menjadi penghalang kepada akses pendidikan yang lebih baik. Kekurangan biasiswa atau bantuan kewangan menyukarkan pelajar dari keluarga berpendapatan rendah untuk mendapatkan pendidikan berkualiti. Selain itu, tekanan untuk bekerja seawal usia bagi membantu kewangan keluarga turut memberi kesan terhadap fokus dan prestasi akademik mereka.

Ketiga, kualiti dan kaedah pembelajaran memainkan peranan penting dalam menentukan pengalaman pembelajaran pelajar. Kekurangan tenaga pengajar yang berkualiti, persekitaran pembelajaran yang tidak kondusif, serta kesukaran menyesuaikan diri dengan sistem pembelajaran baharu dan sikap guru merupakan antara cabaran yang dihadapi oleh pelajar.

Keempat, sokongan keluarga dan sosial juga mempengaruhi keberkesanan pendidikan pelajar. Kurangnya minat untuk belajar, tiada sokongan keluarga, serta ketiadaan bimbingan akademik menyebabkan pelajar kurang bersemangat untuk mencapai kejayaan akademik.

Akhir sekali, motivasi dan kesedaran pelajar turut menjadi faktor yang mempengaruhi keinginan pelajar untuk meneruskan pendidikan. Kurangnya motivasi untuk belajar disebabkan oleh tiada kawan untuk belajar bersama, tiada kemahiran mengurus masa, dan tidak berminat untuk bercita-cita besar kerana melihat komitmen keluarga terabai.

Implikasi daripada cabaran-cabaran tersebut, terdapat beberapa cadangan yang dikemukakan oleh pelajar menekankan keperluan pelbagai intervensi menyeluruh seperti bantuan kewangan, peningkatan akses kepada bahan pembelajaran, sokongan psikologi, program mentor, serta peningkatan kualiti pengajaran. Pendekatan holistik ini diyakini dapat mengurangkan jurang akademik dan memastikan peluang pembelajaran yang lebih saksama di SMK.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini memberikan gambaran menyeluruh tentang cabaran ketaksamaan peluang akademik yang berpunca daripada faktor struktur sosial dan sosioekonomi pelajar. Penemuan ini memperkukuh kefahaman bahawa latar belakang keluarga dan akses terhadap sumber pembelajaran memainkan peranan penting dalam menentukan pencapaian akademik seseorang pelajar.

Implikasi kajian ini membuka ruang kepada pihak sekolah, pendidik, dan pembuat dasar untuk merangka strategi intervensi serta program sokongan yang lebih bersasar dan berkesan bagi meningkatkan akses dan peluang pendidikan kepada semua pelajar, tanpa mengira latar belakang. Justeru, pendekatan holistik yang melibatkan kerjasama erat antara sekolah, keluarga, komuniti dan agensi kerajaan perlu diutamakan dalam usaha mengurangkan jurang ketaksamaan akademik dan memastikan sistem pendidikan yang lebih inklusif, adil dan saksama dapat direalisasikan.

Cadangan

Jadual 1 : Kekerapan Cadangan Langkah Penambahbaikan Akademik

Cadangan Langkah	Kekerapan
Biasiswa atau bantuan kewangan	2
Bantuan alat tulis dan peralatan pembelajaran	2
Program sokongan psikologi untuk tekanan akademik	2
Program mentor pelajar	1
Sistem penilaian yang lebih fleksibel	1
Pengurangan beban subjek wajib yang tidak berkaitan	1
Peningkatan tenaga pengajar dalam subjek kritikal	1
Modul pengurusan masa untuk pelajar	1
Sistem tutor sebaya (peer tutoring)	1
Elaun makanan bagi pelajar daripada keluarga B40	1
Kursus intensif sebelum peperiksaan	1
Kelas tambahan percuma	1
Lebih banyak nota dan bahan rujukan percuma	1
Akses kepada video pembelajaran berkualiti tinggi	1
Internet percuma untuk pelajar kurang mampu	1
Program latihan kemahiran untuk pelajar yang kurang cemerlang akademik	1
Perkhidmatan kaunseling akademik sepanjang tahun	1

Dapatan kajian yang mengumpulkan 17 cadangan berbeza daripada pelajar mengenai cara mengatasi ketaksamaan peluang akademik memberikan petunjuk yang amat berguna kepada pihak berkepentingan dalam sistem pendidikan. Antara cadangan yang menjadi tumpuan termasuklah keperluan kepada biasiswa atau bantuan kewangan, penyediaan alat tulis dan peralatan pembelajaran, serta program sokongan psikologi bagi menangani tekanan akademik. Saranan-saranan ini bukan sahaja mencerminkan keperluan asas pelajar yang terpinggir, tetapi juga menggambarkan keprihatinan mereka terhadap kesejahteraan emosi dan keperluan pedagogi yang lebih berkualiti. Oleh itu, sebagai lanjutan kepada cadangan ini, beberapa pendekatan sistematik dan berfokus perlu dirangka seperti berikut:

1. Pewujudan Dana Kecemerlangan Akademik Berfokus

Kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), dan sektor swasta wajar berganding bahu mewujudkan Dana Kecemerlangan Akademik Berfokus di peringkat daerah atau zon pendidikan. Dana ini boleh disalurkan dalam bentuk bantuan tunai bulanan, baucar pembelian alat tulis, serta subsidi internet kepada pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah. Bantuan bersasar seperti ini mampu meringankan beban kewangan pelajar dan keluarga mereka, seterusnya memberi ruang kepada pelajar untuk menumpukan sepenuhnya perhatian terhadap pelajaran tanpa gangguan tekanan kewangan.

2. Perluasan Akses kepada Sokongan Psikososial di Sekolah

Cadangan pelajar yang menekankan kepentingan sokongan psikososial sewajarnya diberikan perhatian serius oleh pihak berwajib. Penempatan kaunselor tambahan di sekolah, pelaksanaan sesi terapi kumpulan khusus bagi pelajar berisiko, serta penganjuran bengkel pengurusan stres dan kesihatan mental merupakan antara langkah yang boleh diambil. Pendekatan sistematik ini sangat penting dalam membina daya tahan pelajar terhadap tekanan sosial dan beban akademik, terutamanya bagi pelajar daripada latar belakang sosioekonomi rendah yang sering menghadapi cabaran emosi yang kompleks.

3. Peningkatan Kualiti Pengajaran Melalui Latihan Guru Strategik

Kualiti pengajaran yang tinggi merupakan pemacu utama kejayaan pelajar. Oleh itu, pengambilan serta penempatan guru tambahan dalam subjek kritikal seperti Sains, Matematik, dan Bahasa Melayu perlu dilaksanakan segera di sekolah-sekolah yang menunjukkan prestasi rendah. Selain itu, guru-guru sedia ada perlu dilengkapi dengan latihan profesional berterusan yang menumpukan kepada pedagogi berasaskan teknologi, pembelajaran berpusatkan murid, dan pendekatan diferensiasi. Langkah ini dapat membantu guru memenuhi keperluan pelajar yang datang daripada pelbagai latar belakang sosioekonomi dan tahap kebolehan.

4. Pembangunan Platform Pembelajaran Digital Inklusif

Cadangan pelajar agar diberikan akses kepada video pembelajaran berkualiti seharusnya dimanfaatkan melalui pembangunan atau penambahbaikan platform pembelajaran digital yang inklusif dan mesra pengguna. Platform seperti DELIMA KPM perlu ditambah baik dengan kandungan video yang merangkumi subjek teras serta disesuaikan mengikut tahap pencapaian pelajar. Ini membolehkan pelajar, khususnya yang tidak mampu mengikuti kelas tuisyen berbayar, mengakses pembelajaran secara sendiri dan fleksibel, sekaligus merapatkan jurang pencapaian antara pelajar dari pelbagai latar sosioekonomi.

5. Kolaborasi Pintar antara Sekolah dan Komuniti

Usaha memperkukuh jaringan sokongan pendidikan memerlukan kolaborasi pintar antara pihak sekolah, Persatuan Ibu Bapa dan Komuniti (PIBK), agensi tempatan serta syarikat korporat. Beberapa program sokongan boleh diwujudkan seperti kelas bimbingan komuniti yang dikendalikan oleh guru sukarelawan atau pelajar universiti, inisiatif mentor akademik rakan sebaya, serta program 'Adopt a Student' yang dikendalikan oleh alumni atau pihak swasta tempatan. Pendekatan kolaboratif ini bukan sahaja dapat menambah baik sokongan pembelajaran pelajar, malah memupuk rasa tanggungjawab bersama dalam meningkatkan kualiti pendidikan secara menyeluruh.

6. Pelarasan Dasar Bantuan oleh Kementerian

Kementerian Pendidikan Malaysia disaran menilai semula pelaksanaan dasar bantuan sedia ada seperti Rancangan Makanan Tambahan (RMT), Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin

(KWAMP), dan Basiswa Kecil Persekutuan. Penambahbaikan mekanisme pemilihan penerima yang lebih telus dan berasaskan data perlu diperkenalkan bagi memastikan bantuan benar-benar sampai kepada pelajar yang memerlukannya. Dengan penyelarasan yang lebih cekap, keberkesanan dasar bantuan dapat ditingkatkan dan ketaksamaan peluang akademik dapat dikurangkan secara lebih berkesan.

7. Pelaksanaan Kajian Longitudinal dan Intervensi Jangka Panjang

Untuk memastikan impak jangka panjang intervensi pendidikan yang dilaksanakan, kajian longitudinal perlu dijalankan secara sistematik. Kajian ini dapat menilai perkembangan akademik dan kesejahteraan pelajar yang menerima bantuan atau menyertai program sokongan tertentu. Hasil kajian tersebut dapat dijadikan asas untuk memperbaiki strategi intervensi yang sedia ada dan membantu pembuat dasar merangka pelan pendidikan yang lebih responsif dan inklusif berdasarkan bukti empirikal yang kukuh.

Secara keseluruhan, saranan lanjutan ini perlu diintegrasikan dalam kerangka sistem pendidikan yang inklusif dan adil. Ketaksamaan peluang akademik yang berpunca daripada faktor sosioekonomi tidak dapat diatasi secara spontan, namun melalui pelaksanaan dasar yang menyeluruh, program berfokus, dan kerjasama antara semua pihak berkepentingan seperti sekolah, ibu bapa, masyarakat, dan kerajaan. Cabaran ini dapat ditangani dengan lebih berkesan. Dengan memberikan ruang dan peluang yang adil kepada setiap pelajar, barulah aspirasi negara untuk melahirkan generasi berilmu tanpa mengira latar belakang dapat direalisasikan.

Kesimpulan

Kajian ini secara menyeluruh mengesahkan bahawa ketaksamaan peluang akademik dalam kalangan pelajar sekolah menengah adalah fenomena yang berkait rapat dengan pelbagai dimensi struktur sosial, terutamanya status sosioekonomi dan tahap pendidikan ibu bapa. Pelajar yang berasal daripada keluarga berpendapatan rendah dan latar belakang pendidikan ibu bapa yang rendah didapati menghadapi lebih banyak kekangan dalam mencapai prestasi akademik yang cemerlang. Antara kekangan utama yang dikenalpasti termasuklah keterbatasan akses kepada sumber pembelajaran tambahan, ketiadaan peranti teknologi yang sesuai, kekurangan sokongan pembelajaran di rumah, serta tekanan emosi dan sosial yang mengurangkan keyakinan akademik pelajar.

Selain itu, tahap pendidikan ibu bapa terbukti sebagai indikator penting dalam menentukan sokongan pembelajaran yang mampu diberikan kepada anak-anak. Ibu bapa yang berpendidikan tinggi lebih berkemungkinan terlibat secara aktif dalam membantu proses pembelajaran di rumah, menyediakan persekitaran yang kondusif, serta membina jangkaan dan aspirasi pendidikan yang tinggi. Faktor sosial lain seperti jaringan sosial keluarga, budaya pembelajaran dalam rumah, serta tahap literasi digital turut memberi kesan kepada pencapaian akademik pelajar secara tidak langsung. Oleh itu, ketaksamaan akademik bukan sekadar persoalan prestasi pelajar secara individu, sebaliknya berkait rapat dengan konteks sosial yang melingkungi kehidupan mereka.

Kajian ini juga menyokong pandangan dalam teori sosiologi pendidikan yang menegaskan bahawa struktur sosial memberi kesan langsung terhadap akses kepada pendidikan yang berkualiti. Jurang pencapaian akademik yang wujud antara kelompok berpendapatan rendah dan tinggi mencerminkan realiti sistemik yang memerlukan tindakan menyeluruh. Meskipun lokasi kajian ini terhad kepada sebuah sekolah menengah di kawasan bandar, kebolegunaan

dapatan adalah luas kerana cabaran yang dihadapi turut dikongsi oleh pelajar dari sekolah lain yang mempunyai ciri sosioekonomi yang serupa. Maka, isu ini perlu dilihat sebagai cabaran nasional yang menuntut pendekatan berasaskan keadilan sosial.

Impak daripada penemuan ini adalah besar, khususnya terhadap pihak pembuat dasar dan semua pemegang taruh dalam sistem pendidikan negara. Ketaksamaan pendidikan yang berpunca daripada faktor sosioekonomi tidak hanya menjejaskan potensi akademik pelajar, malah berisiko mewujudkan ketidakseimbangan dalam mobiliti sosial jangka panjang. Justeru, intervensi bersifat struktural dan bersasar perlu digubal secara strategik. Antara cadangan yang boleh dipertimbangkan termasuklah penyediaan bantuan pembelajaran digital kepada pelajar kurang berkemampuan, pengukuhan program pengayaan dan bimbingan akademik, serta pelaksanaan sokongan psikososial berterusan di sekolah.

Selain itu, penglibatan ibu bapa perlu digalakkan melalui program literasi keluarga, bengkel keibubapaan dan jaringan komunikasi sekolah-rumah yang efektif. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa walaupun ibu bapa tidak mempunyai latar belakang pendidikan yang tinggi, sokongan moral dan pengawasan pembelajaran anak-anak di rumah tetap memberi impak positif terhadap pencapaian akademik. Maka, usaha untuk memperkasakan ibu bapa sebagai rakan kongsi dalam pendidikan merupakan langkah penting ke arah membina ekosistem pembelajaran yang lebih seimbang dan inklusif.

Akhir sekali, penemuan ini menyeru agar semua pihak – termasuk sekolah, komuniti, agensi kerajaan dan pembuat dasar – berganding bahu dalam mewujudkan sistem pendidikan yang benar-benar adil dan responsif terhadap realiti sosial pelajar. Hanya dengan pendekatan menyeluruh dan bersepadu, jurang ketaksamaan pendidikan dapat dikurangkan dan peluang yang setara untuk kecemerlangan akademik dapat dinikmati oleh setiap pelajar, tanpa mengira latar belakang mereka.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan, komitmen dan kerjasama sepanjang pelaksanaan kajian ini. Ucapan terima kasih yang tulus ditujukan kepada pihak pentadbiran dan warga pendidik di sekolah menengah kebangsaan terlibat atas keprihatinan dan kerjasama yang amat baik dalam membenarkan serta melancarkan proses pengumpulan data. Penghargaan juga ditujukan kepada pensyarah penyelia yang telah banyak memberikan bimbingan, dorongan dan panduan ilmiah yang bernas dalam setiap fasa kajian ini. Tidak ketinggalan, penulis turut menghargai sokongan moral dan motivasi berterusan daripada ahli keluarga tersayang yang sentiasa menjadi pendorong utama dalam menyempurnakan penulisan jurnal ini. Diharapkan agar kajian ini dapat memberi sumbangan bermakna kepada wacana pendidikan dan pembangunan sosial, khususnya dalam memperkukuh pemahaman terhadap ketaksamaan peluang akademik yang dipengaruhi oleh faktor struktur sosial dalam konteks pendidikan di Malaysia.

Rujukan

- Amatan, M. A., & Gregory K Han, C. (2019). Pengaruh persekitaran psikososial sekolah dan efikasi sendiri guru terhadap amalan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 (The influence of school's psychosocial environment and the teacher's self-efficacy on the 21st century teaching and learning practices). *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(32), 26–39. <https://doi.org/10.35631/IJEPC.4320026>
- Chizen, D. T. J., & Surat, S. (2021). Sorotan literatur bersistematik: Faktor-faktor mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(12), 137–157. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i12.1210>
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2023). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (6th ed.). SAGE Publications.
- Deswalantri, D., Beribe, M. F. B., Riyanti, R., Prayitno, H., & Sintesa, N. (2024). Pengaruh status sosial ekonomi terhadap prestasi belajar siswa pada pembelajaran bahasa Indonesia. *Jurnal Cahaya Mandalika*, 3(3), 1531–1540. <https://ojs.cahayamandalika.com/index.php/jcm/article/view/2863>
- Easterbrook, M. J., & Hadden, I. R. (2021). Tackling educational inequalities with social psychology: Identities, contexts, and interventions. *Social Issues and Policy Review*, 15(1), 180–236. <https://doi.org/10.1111/sipr.12070>
- Erikson, R. (2020). Inequality of educational opportunity – The role of performance and choice. *European Review*, 28(1), 1–12. <https://doi.org/10.1017/S1062798720000897>
- Eryanto, H., & Swaramarinda, D. R. (2013). Pengaruh modal budaya, tingkat pendidikan orang tua dan tingkat pendapatan orang tua terhadap prestasi akademik pada mahasiswa Fakultas Ekonomi Universitas Negeri Jakarta. *Jurnal Pendidikan Ekonomi dan Bisnis (JPEB)*, 1(1), 39–61. <https://doi.org/10.21009/JPEB.001.1.3>
- Firlani, T., Warju, W., Anifah, L., & Buitjahjanto, I. (2025). Hubungan latar belakang sosial ekonomi orang tua terhadap prestasi belajar siswa SMKN 1 Mejayan. *Jurnal Pendidikan Sultan Agung*, 5(2), 257–263. <https://doi.org/10.30659/jp-sa.5.2.257-263>
- Goczek, Ł., Witkowska, E., & Witkowski, B. (2021). How does education quality affect economic growth? *Sustainability*, 13(11), 6437. <https://doi.org/10.3390/su13116437>
- Ibrahim, N. S. S., & Othman, N. (2022). Faktor kemiskinan digital dalam kalangan pelajar terhadap prestasi belajar ketika pandemik COVID-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(8), e001653. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i8.1653>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2022). *Laporan tahunan pendidikan 2022*. Putrajaya: KPM.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2023). *Pelan strategik pendidikan digital 2023–2027*. Putrajaya: KPM.
- Krauss, S., Wong, E. J. Y., Zeldin, S., Kunasegaran, M., Nga Lay Hui, J., Ma'arof, A. M., Yee Mei Tien, W., & Ismail, I. A. (2022). Positive school climate and emotional engagement: A mixed methods study of Chinese students as ethnocultural minorities in Malaysian secondary schools. *Journal of Adolescent Research*, 39(5), 1154–1192. <https://doi.org/10.1177/07435584221107431>
- Liu, J., Peng, P., Zhao, B., & Luo, L. (2022). Socioeconomic status and academic achievement in primary and secondary education: A meta-analytic review. *Educational Psychology Review*, 34(4), 2867–2896. <https://doi.org/10.1007/s10648-022-09689-y>
- Michael, S., Ambotang, A., Nazarudin, M., & Andin, C. (2021). Status sosioekonomi: Satu cabaran penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum sekolah menengah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(6), 178–186. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i6.805>

- Mohajan, H. K. (2020). Quantitative research: An overview. *Journal of Economic Development, Environment and People*, 9(4), 52–63. <https://doi.org/10.26458/jedep.v9i4.679>
- Munir, J., Faiza, M., Jamal, B., Daud, S., & Iqbal, K. (2023). The impact of socio-economic status on academic achievement. *Journal of Social Sciences Review*, 3(2), 695–705. <https://doi.org/10.54183/jssr.v3i2.308>
- Mustafa, R., & Azman, H. (2022). Peranan ibu bapa dalam sokongan pembelajaran anak-anak: Perbandingan berdasarkan tahap pendidikan. *Journal of Family and Educational Studies*, 5(1), 21–35.
- Pei-Yu, W. (2013). Examining the digital divide between rural and urban schools: Technology availability, teachers' integration level and students' perception. *Journal of Curriculum and Teaching*, 2(2), 127–139. <https://doi.org/10.5430/jct.v2n2p127>
- Shuhidan, S., Yahaya, W., Hashim, H., & Baharuddin, M. F. (2022). Influence of digital literacy on learning engagement among secondary students in Malaysia. *Environment-Behaviour Proceedings Journal*, 7(SI10), 135–139. <https://doi.org/10.21834/ebpj.v7iSI10.4114>
- Supianto, S., Marmoah, S., Poerwanti, J. I. S., Istiyati, S., Mahfud, H., & Sukarno, S. (2023). A comparative study of education equity policy in remote areas in Indonesia and Malaysia. *Tarbawi: Jurnal Ilmu Pendidikan*, 19(2), 125–134. <https://doi.org/10.32939/tarbawi.v19i2.2866>
- Surianshah, S. (2021). Digital divide in education during COVID-19 pandemic (Jurang digital dalam pendidikan semasa pandemik COVID-19). *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 55(3), 103–112. <https://doi.org/10.17576/JEM-2021-5503-07>
- Taherdoost, H. (2016). Validity and reliability of the research instrument: How to test the validation of a questionnaire/survey in a research. *International Journal of Academic Research in Management*, 5(3), 28–36. <https://doi.org/10.2139/ssrn.3205040>
- UNESCO. (2021). *Global education monitoring report 2021: Inequality in education*. Paris: UNESCO Publishing.
- Zainal, A. Z., & Zainuddin, S. Z. (2020). Technology adoption in Malaysian schools: An analysis of national ICT in education policy initiatives. *Digital Education Review*, 37, 172–194. <https://doi.org/10.1344/der.2020.37.172-194>